

Amaran Washington Malaysia jadi sasaran bom tidak berasas

UM 23 NOV 2002
SUBANG 22 Nov. — Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, amaran Washington bahawa Malaysia akan menjadi sasaran serangan bom seperti yang berlaku di Bali, Indonesia bulan lalu adalah tidak berasas.

Beliau menegaskan, sungguhpun Amerika Syarikat mempunyai tanggapan tersendiri terhadap rantau Asia Tenggara, pihak polis yang mengendalikan kawalan keselamatan lebih mengetahui dan yakin tidak ada ancaman sedemikian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghantar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berlepas ke Paris dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Norian mengulas laporan media asing kelmarin mengenai amaran Washington bahawa serangan bom seperti di Bali pada 12 Oktober lalu, yang mengorbankan lebih 180 orang, mungkin terjadi di negara-negara Asia Tenggara lain, termasuk Malaysia.

Amaran Jabatan Negara Amerika Syarikat itu juga menekankan mengenai ancaman kumpulan Abu Sayyaf yang bergiat di selatan Filipina, berhampiran Sabah.

Sementara itu, ketika ditemui di Ipoh, Norian berkata, Kedutaan Amerika Syarikat di sini tidak mempunyai maklumat khusus berhubung kemungkinan berlakunya serangan pengganas di negara ini.

Menurutnya, beliau telah menghubungi seorang pegawai kedutaan terbabit setelah menerima kenyataan tentang peringatan kemungkinan berlaku serangan pengganas di negara ini.